

Mencari penanda aras CEO

UM- 14/3/2007

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)

MUNGKIN ramai lebih mengenali nama Allahyarham Raja Tun Mohar Raja Badiozaman sebagai Pengerusi Malaysia Airline System (MAS) dan Petronas - dua buah syarikat yang diterajunya bermula dari peringkat awal penubuhannya.

Namun jasa beliau melangkaui kejayaan kedua-dua syarikat itu.

Malahan tidak berlembah untuk dipercayai bahawa Raja Tun Mohar boleh dijadikan sebagai penanda aras atau pengukur keupayaan dan dedikasi pertama sebagai pegawai kerajaan serta kedua sebagai ketua pegawai eksekutif (CEO).

Berdedikasi

Profesor Sejarah Universiti Malaya, Professor Datuk Khoo Kay Kim berkata, Raja Tun Mohar merupakan penanda aras bagi pegawai-pegawai kerajaan kerana beliau merupakan pegawai yang amat berdedikasi tinggi serta berwawasan jauh dalam.

Kay Kim menjelaskan, Raja Tun Mohar boleh dilihat sebagai seorang pegawai kerajaan dan CEO berintegriti tinggi yang lebih mementingkan nasib rakyat dan negara ini berbanding kepentingan diri sendiri.

"Sepanjang menjawat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Industri serta Kementerian Kewangan beliau telah melakar sebagai pegawai berwawasan yang memastikan bahawa Malaysia mempunyai hubungan perdagangan dengan negara-negara lain termasuk Rusia dan China iaitu dua buah negara komunis.

"Keupayaan Raja Tun Mohar untuk mengadakan dan menyelesaikan rundingan perdagangan dengan kedua-dua buah negara itu dapat memastikan bahawa Malaysia hari ini menjadi negara perdagangan malahan negara ini telah mencapai jumlah perdagangan melebihi RM1 trilion, satu pencapaian yang membanggakan," katanya dalam pertemuan dengan *Utusan Malaysia*.

Kay Kim memberitahu, kejayaan negara menjadi negara perda-

gangan seharusnya diberi penghargaan kepada Raja Tun Mohar kerana keupayaannya untuk melaksanakan rundingan membolehkan produk-produk negara berjaya dieksport di seluruh dunia walaupun di negara komunis.

"Itu adalah legasi Raja Tun Mohar, keupayaan dan dedikasi beliau sebagai perunding yang boleh dipercayai dan berjaya," katanya.

Isnin ini Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan biografi Raja Tun Mohar, *Raja Tun Mohar Raja Badiozaman: A Gracious Prince: The Pride of The Nation*.

Raja Tun Mohar memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu pada tahun 1938 dan kemudian sebagai Pegawai Pentadbiran Tanah Melayu pada tahun 1953 selepas menamatkan pengajian ijazah pertama dalam bidang ekonomi di Universiti Cambridge. Allahyarham yang memegang pelbagai jawatan di sektor swasta dan awam telah dilihat sebagai tokoh korporat dan awan berdaya maju dan dinamik sepanjang hayatnya.

Raja Mohar yang dikenali sebagai pakar ekonomi meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai pada tahun 2003 ketika berusia 81 tahun.

Allahyarham yang dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1922, mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Clifford sebelum melanjutkan pelajaran ke Raffles College, Singapura.

Allahyarham memperoleh ijazah sarjana muda ekonomi dari Universiti Cambridge di England pada tahun 1952 dan setahun kemudian lulus dengan diploma ekonomi pertanian dari Universiti Oxford.

Kay Kim memberitahu, Raja Tun Mohar boleh dilihat sebagai jurujual yang berkesan, serahkan apa sahaja apa yang hendak dijual pasti akan berjaya.

"Apa yang saya kesalkan ialah generasi sekarang tidak mengenali siapa dia Raja Tun Mohar, orang yang bertanggungjawab untuk mewujudkan hubungan perdagangan dengan negara yang membawa keuntungan besar serta jangka panjang kepada negara," katanya.

Kay Kim menambah, generasi sekarang juga tidak mempunyai sifat-sifat Raja Tun Mohar yang



RAJA Tun Mohar Raja Badiozaman (kanan) dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Tun Hussein Onn dan turut dihadiri Tengku Razaleigh Hamzah.

Apa yang saya kesalkan ialah generasi sekarang tidak mengenali siapa dia Raja Tun Mohar

KHOO KAY KIM
Profesor Sejarah
Universiti Malaya

jujur, lemah lembut, berpengetahuan luas dan berintegriti tinggi.

Beliau memberitahu, kegagalan banyak projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan atau pihak swasta sekarang kerana tidak ada orang yang mempunyai kebolehan serta berintegriti tinggi seperti Raja Tun Mohar.

"Saya percaya bahawa kejayaan sesebuah rancangan atau projek bukan kerana sistem, tetapi kerana manusia yang diletakkan untuk menerajui projek atau rancangan tersebut.

"Kalau sistem yang baik tetapi manusia yang diletakkan tidak berkebolehan ia tidak akan berjaya tetapi kalau sistem itu sederhana letak seseorang yang cekap berkebolehan seperti Raja Tun Mohar sistem itu berjalan dengan baik," katanya.

Kay Kim menegaskan, masalah

yang dihadapi oleh negara sekarang ialah mencari mereka yang berkebolehan untuk mengetuai apa sahaja projek atau sistem yang ada seperti Raja Tun Mohar.

Bagi Bekas Pengarah Urusan MAS, Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman yang bertugas di bawah Raja Tun Mohar dari 1973 hingga 1990 melihat Allahyarham sebagai CEO berintegriti tinggi.

"Saya tidak pernah melihat seorang CEO sekarang seperti Raja Tun Mohar, ia bukan sahaja berintegriti tinggi tetapi sentiasa mengingatkan bahawa setiap pekerjaan perlu mengikut peraturan.

"Sepanjang 20 tahun di bawah Raja Tun Mohar yang pada masa itu merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah MAS apa yang ditekankan ialah setiap kerja yang perlu dilakukan perlu mengikut peraturan, atas prinsip ini kita

lihat MAS membangun dengan pesat di samping banyak menerima pelbagai anugerah antara-bangsa," katanya.

Abdul Aziz memberitahu, sepanjang tempoh 20 menjadi Pengerusi MAS, Raja Tun Mohar tidak pernah menggunakan kuasanya untuk kepentingan diri.

"Keadaan ini yang membolehkan MAS terus maju kerana Raja Tun Mohar memastikan bahawa syarikat itu diuruskan dengan penuh ketelusan bukan sahaja dari segi strategi malahan dalam urusan pembelian pesawat.

"Apa yang Allahyarham pertingkatkan ialah memastikan urusan itu memberi faedah yang banyak kepada MAS dan kerajaan serta bukan kepada beliau atau ahli lembaga pengarah serta pengerusan tertinggi," katanya.

Abdul Aziz menegaskan, CEO yang ada sekarang tidak mampu untuk menandingi Raja Tun Mohar dari segi integriti, rasa tanggungjawab dan keupayaan untuk menguruskan apa sahaja tugas atau jawatan yang diberikan.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YUTASAN KEMIMPINAN PERDANA